



## SIARAN MEDIA

---

### **DAKWAAN PENJUALAN DATA PERIBADI PENGGUNA APLIKASI MUSLIM PRO KEPADA TENTERA AMERIKA SYARIKAT**

**PUTRAJAYA, 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)** – Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah memohon penjelasan segera daripada Pegawai Perlindungan Data Peribadi (DPO) aplikasi Muslim Pro melalui e-mel pada 17 November 2020 (Selasa) sebaik sahaja Jabatan ini dimaklumkan mengenai dakwaan penjualan data peribadi pengguna aplikasi Muslim Pro melalui artikel dalam talian [vice.com](https://www.vice.com).

Muslim Pro melalui penjelasan bertarikh 20 November 2020 (Jumaat) telah menafikan sepenuhnya dakwaan penjualan data peribadi kepada tentera Amerika Syarikat bagi tujuan antikeganasan.

Muslim Pro juga memaklumkan bahawa maklumat yang telah diberikan sebelum ini kepada X-Mode bukanlah merupakan data peribadi dan pihak Muslim Pro amat komited untuk melindungi data peribadi penggunaanya mengikut lunas undang-undang dan peraturan perlindungan data peribadi yang berkuat kuasa. Sehingga kini, sebanyak 72% pengguna aplikasi Muslim Pro masih merupakan pengguna yang tidak berdaftar dan ini meningkatkan ketanpanamaan (*anonymity*) aplikasi tersebut.

Jabatan ini mengambil maklum mengenai penjelasan yang telah diberikan dan menegaskan supaya Muslim Pro perlu sentiasa memastikan keselamatan data peribadi penggunaanya dijaga pada setiap masa dan tidak disalah gunakan bagi tujuan yang tidak sewajarnya.

Pada masa yang sama, semua Pengguna Data sentiasa diingatkan untuk mematuhi Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi seperti yang digariskan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].

### **Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi**